

SIRI KAJIAN PEMIKIRAN SASTERAWAN NEGARA

PEMIKIRAN
SASTERAWAN NEGARA
USMAN
AWANG

Pengenalan oleh
ANWAR RIDHWAN




PEMIKIRAN
SASTERAWAN NEGARA

USMAN AWANG

Unduk,

Ya Shg. Tan Sri Mohafiz Mohamad
Elder scripser,

 (Davis Teolis)

7 Mac, 2016

SIRAJIAN PEMIKIRAN SASTERAWAN NEGARA

TUN DR. MAHATHIR MOHAMMAD

PEMIKIRAN
SASTERAWAN NEGARA

USMAN
AWANG


Pengenalan oleh
ANWAR RIDHWAN

PUSTAKA PERDANA



1010670

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2015



Cetakan Pertama 2013
Cetakan Kedua 2015
© Para Penulis dan Dewan Bahasa dan Pustaka 2013

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Pemikiran sasterawan negara Usman Awang / pengenalan oleh

Anwar Ridhwan.

(Siri Kajian Pemikiran Sasterawan Negara)

ISBN 978-983-46-0515-5

1. Usman Awang, Datuk, 1929-2001--Criticism and interpretation.

2. Malay literature--History and criticism. 3. Authors, Malay--
Malaysia. I.

899.2309

Dicetak oleh
Visual Print Sdn. Bhd.
No. 47, 47-1
Jalan Damai Raya 1, Alam Damai
Cheras 56000 Kuala Lumpur

899.2309
PEM



KANDUNGAN



Pengenalan ix

- Usman Awang: Pengungkap Zaman yang Luar Biasa
Baharuddin Zainal 1



PUISI



- Usman Awang: Perspektif Seorang Nasionalis dan Realisme – Sosialis dalam Puisi-puisinya
A. Rahim Abdullah 21
- Usman Awang: Penyejagatan Puisi, Proses Kreatif dan Keislaman
Ahmad Kamal Abdullah 55
- Estetika dalam Puisi Usman Awang
Amida Abdulhamid 87
- Puisi Usman Awang dan Kecerdasan Emosi: Pengalaman Pembaca
Jaafar Abdul Rahim 107
- Dilema Melayu dan Kontradiksi Pembangunan dalam Puisi Terpilih Usman Awang
Jasni Matlani 123
- Kemanusiaan dalam Puisi Usman Awang
Lim Swee Tin 137
- Wanita dalam “Jentayu yang Luka” dari Aspek Penerimaan Pembaca
Mohamad Daud Mohamad 149

Kandungan

- *Degup Jantung: Penerapan terhadap Teori Konseptual–Kata Kunci* 171
Mohamad Mokhtar Hassan
- *Puisi-puisi Usman Awang dalam Salam Benua: Suatu Pembicaraan Semiotik* 193
Mohamad Shaidan
- *Wanita dalam Persepsi dan Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang: dari Perspektif Wanita* 219
Norhayati Ab. Rahman
- *Dogmatisme Miskin – Kaya dalam Kepengarangan Usman Awang* 237
Saifullizan Yahaya
- *Pemikiran Usman Awang: Perjuangan Sosial yang Terus Relevan* 251
Shahrin Nizal Mohd. Nor
- *Ekologi, Etika dan Bahasa dalam Puisi-puisi Usman Awang: Satu Kritikan Eko* 265
Sohaimi Abdul Aziz



DRAMA



- *“Tamu di Bukit Kenny” karya Usman Awang: dari Perspektif Teori Teksdealisme* 283
Abdul Rahman Napiah
- *Eksplotasi Bahasa dalam Drama Usman Awang* 305
Jeniri Amir
- *“Muzika Udara dan Dara” dan “Atap Genting Atap Rumbia”*: Satu Interpretasi 319
Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin
- *Anjakan Makna Jebat, Tuah dan Baru/Wangi dalam Drama “Matinya Seorang Pahlawan”* 347
Rahman Shaari

Kandungan

◀ CERPEN ▶

- Garis-garis Kreativiti Usman Awang: “Dirinya” dalam Cerpennya
Hashim Ismail 369
- Cerpen-cerpen Usman Awang dalam Bacaan Kritikan Feminisme
Siti Aisah Murad 383
- Pemikiran Alamiah dalam Cerpen Usman Awang
Syed Othman Syed Omar 401
- Strategi dan Teknik Naratif dalam Cerpen “Kami yang Terlibat”
Talib Samat 421

◀ NOVEL ▶

- Analisis Novel *Tulang-tulang Berserakan* dari Sudut Pemikiran Pengarang
Mohd. Yusof Hasan 455

◀ ESEI KRITIKAN ▶

- Pembicaraan tentang *Sikap dan Pemikiran Usman Awang*
Hamzah Hamdani 477

◀ KEGIATAN ▶

- Usman Awang: Perspektif Persatuan Penulis
Amiruddin Md. Ali Hanafiah 495
- Meragui Metanaratif: Usman Awang Bukan Pelopor ASAS 50
Awang Azman Awang Pawi 505
- Kesusasteraan Bercorak Rakyat, Kepunyaan Rakyat dan untuk Rakyat
Syed Mohd. Zakir Syed Othman 519

Biodata Penulis 539

Indeks 559



PENGENALAN



Pembicaraan tentang pengarang yang terkenal kerana karya-karyanya, dan kisah-kisah yang menarik sepanjang hayatnya, seperti Usman Awang (12 Julai 1929–29 November 2001), yang turut menggunakan nama samaran seperti Tongkat Warrant, Setiabudi, Manis, Adi Jaya, Atma Jiwa dan Zaini, tidak mungkin tuntas dengan mudah.

Sosok pengarang Melayu ialah peribadi seniman yang menyimpan sebahagian kisahnya, dan mendedahkan sebahagian yang lain untuk pengetahuan khalayak – sama ada melalui wawancara, tulisan biografi, memoir, ataupun autobiografi. Sifat ini bukan milik eksklusif pengarang Melayu sahaja, malah bagi setiap insan, sungguhpun ada segelintir peribadi di Barat, atau yang tersihir oleh kebudayaan Barat yang negatif, atas sebab-sebab tertentu mahu mendedahkan semua sisi peribadinya luar dan dalam.

Usman Awang sendiri tidak pernah menghasilkan memoir atau autobiografinya. Lembaran-lembaran yang mengandungi kisah-kisahnya, baik yang peribadi, separa rasmi mahupun yang formal, bertebaran secara tidak bertulis, dan bereceran secara bertulis dalam bentuk latihan ilmiah, tesis, wawancara, dan sebagainya. Penelitian dan wawancara teliti Muhammad Haji Salleh dengan anggota keluarga serta sahabat terdekat Usman Awang, dalam proses menghasilkan biografi Usman Awang (*Seorang Penyair Sebuah Benua Rusuh: Biografi Usman*

Awang, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006) sesungguhnya amat berguna untuk mendekati pengarang besar ini lagi, namun belum dapat mendedahkan sepenuhnya wajah dan jiwa Usman Awang. Akhirnya, khalayak seperti wajar menerima “realiti terbatas” bahawa aspek-aspek yang penting dan relevan dalam konteks horizontal sesama manusia telah diungkapkan dalam wacana biografi seperti itu; manakala yang amat peribadi dibiarkan hidup dalam dunia mujarad.

Dalam ranah kesusasteraan, yang lebih penting daripada pengarang ialah karya-karyanya. Hal ini demikian bukan kerana semata-mata hayat pengarang lebih pendek daripada hayat karya-karyanya. Tun Seri Lanang telah lama meninggalkan kita, tetapi *Sulalat as-Salatinn*nya terus dibaca. Hamzah Fansuri, Raja Ali Haji, Munsyi Abdullah, Syed Sheikh Al-Hadi, dan sebagainya telah lama meninggal dunia, tetapi karya-karya mereka masih boleh dibaca dan diapresiasi daripada satu generasi ke satu generasi. Ketika peradaban dan monumen fizikal masa lampau binasa, karya sastera yang baik tetap malar.

Karya-karya sastera juga bukan tercipta daripada kekosongan. Karya-karya sastera ditulis hasil perenungan dan pemikiran kritis pengarang terhadap pelbagai isu yang menyentuh hubungan vertikal dengan Pencipta, sesama manusia, flora dan fauna, dan sebagainya. Pada umumnya, hasil-hasil karya bertunjang pada idealisme, atau pemikiran unggul pengarang. Sungguhpun Barthes pernah mendendangkan semboyan “Kematian Pengarang”, dan golongan sejarawan pascamoden bersuara tentang *‘The past is unknown’* – yang mahu atau dengan konteks masa lampainya, pembicaraan terhadap karya-karya Melayu, termasuk karya Usman Awang, tetap cenderung untuk mengaitkan kedua-duanya – pengarang dan konteks zamannya.

Latar belakang sejarah selalunya menentukan dan mewarnai pemikiran unggul pengarang. Sejarah yang dimaksudkan bukan dalam konteks politik semata-mata, tetapi juga meliputi ranah legasi sastera dan budaya, sosial, ekonomi, pendidikan, hubungan kaum, dan sebagainya. Usman Awang menempuh alam kanak-kanak dan remaja yang sukar di daerah terpencil di Kuala Sedeli, dalam zaman penjajahan. Akan tetapi, “kekayaan” niskala melimpahi hidupnya dalam

bentuk legasi budaya, sastera, dan budi bahasa. Apabila beliau berpindah ke kota besar seperti Singapura, beberapa konsep yang lebih besar berada di ambang kehidupannya: demokrasi dan sosialisme, penjajahan politik dan kemerdekaan, manusia kaya dan marhaen merempat, yang berkuasa dan yang dikuasai, dan sebagainya. Semua itu, secara disadari, atau mengapung di bawah sedarnya, memberikan rupa dan jiwa kepada karya-karyanya dalam genre puisi, drama, cerita pendek dan novel.

Singapura dalam dekad 1950-an, latar yang mula memberikan warna yang tegas terhadap penglibatan Usman Awang dalam persuratan, merupakan pusat sastera dan intelektual Melayu yang penting, selain Kota Bharu, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka. Di sana, bukan sahaja bertapaknya industri perfileman Melayu, yang khabarnya hampir mengambil Usman Awang menjadi bintangnya, malah *melting pot* yang membaurkan pelbagai pengaruh antarabangsa, termasuk ideologi politik dan sastera.

Di sana, dalam dekad 1950-an, demokrasi Barat belum diyakini sepenuhnya, ketika bangsa Timur melihat bagaimana kuasa penjajah Barat baru dikalahkan, dan tanpa segan-silu datang semula selepas Perang Dunia Kedua. Sehubungan dengan hal itu, sebahagian bangsa Timur, dan barangkali termasuk peribadi seperti Usman Awang, melihat suatu kuasa ideologi baharu sebagai alternatif, iaitu sosialisme. Sayap ideologi ini yang melayang ke Timur turut membawa beberapa buah karya sastera yang kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia. Inilah bahasa yang paling dekat dengan jiwa Usman Awang.

Situasi tersebut mendekatkan Usman Awang kepada slogan humanisme universal, karya-karya golongan sosialis; penulis, karya dan gerakan sastera di Indonesia itu sendiri. Dalam beberapa hal, tampaknya bukan gerakan kemerdekaan Indonesia itu sahaja yang mempengaruhi gerakan inteligensia Melayu. Malah, gerakan sasteranya juga cukup mempengaruhi, seperti hakikat bahawa Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) itu didirikan lima tahun selepas wujudnya Angkatan 45 di Indonesia.

Di Singapuralah Usman Awang mengukir namanya hingga menjadi seorang pengarang yang besar, yang dinobat-

kan sebagai penerima Anugerah Sastera Negara yang ketiga (selepas Keris Mas dan Shahnnon Ahmad). Dalam upaya memperingati dan terus membesarkan pengarang-pengarang kita, Dewan Bahasa dan Pustaka dari masa ke masa mengadakan majlis wacana tentang pengarang-pengarang kita yang terkenal. Umpamanya, pada 13–15 November 2006 telah berlangsung ‘Seminar Pemikiran Usman Awang’ dengan tema “Membina Peradaban Sastera Kebangsaan”. Buku ini menghimpunkan semua kertas kerja yang telah dikemas kini daripada seminar tersebut.

Secara umum, tulisan-tulisan dalam buku ini dapat dibahagikan kepada empat kelompok. Pertama, membicarakan Usman Awang dalam sosok peribadinya sebagai pengarang, editor, pegawai sepejabat dan sahabat. Hal ini terdapat dalam tulisan Baharuddin Zainal, “Usman Awang: Pengungkap Zaman yang Luar Biasa”, yang disampaikan sebagai ucapan utama dalam seminar tersebut.

Kelompok kedua merupakan tulisan yang membicarakan karya-karya Usman Awang dengan penerapan teori. Hampir semua teori yang diterapkan ialah teori sastera, kecuali teori kecerdasan emosi. Tulisan-tulisan dalam kelompok ini ialah nukilan Abdul Rahman Napiah, ‘Tamud di Bukit Kenny’ Karya Usman Awang: Dari Perspektif Teori Teksdealisme”; Amida Abduhamid, “Unsur Estetika dalam Puisi Usman Awang”; Jaafar Abdul Rahim, “Puisi Usman Awang dan Kecerdasan Emosi: Pengalaman Pembaca”; Mohamad Shaidan, “Puisi-puisi Usman Awang dalam *Salam Benua*: Suatu Pembicaraan Semiotik”; Mohamad Daud Mohamad, “Wanita dalam ‘Jentayu yang Luka’ dari Aspek Penerimaan Pembaca”; Mohamad Mokhtar Abu Hassan, “*Degup Jantung*: Penerapan terhadap Teori Konseptual Kata Kunci”; Norhayati Ab. Rahman, “Wanita dalam Persepsi dan Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang: Dari Perspektif Wanita”; Rahman Shaari, “Anjakan Makna Jebat, Tuah dan Baru/Wangi dalam Drama ‘Matinya Seorang Pahlawan’”; Siti Aisah Murad, “Cerpen-cerpen Usman Awang dalam Bacaan Kritikan Feminisme”; daripada Sohaimi Abd. Aziz, “Ekologi, Etika dan Bahasa dalam Puisi-puisi Usman Awang Suatu Kritikan Eko”; dan Talib Samat, “Strategi dan Teknik Naratif dalam Cerpen ‘Kami yang Terlibat’”.

Pengenalan

Kelompok ketiga ialah tulisan-tulisan yang menelusuri denai idealisme Usman Awang seperti yang terpancar dalam karya-karyanya. Tergolong dalam kelompok ini ialah tulisan-tulisan A. Rahim Abdullah, “Usman Awang: Perspektif Seorang Nasionalis dan Realisme-Sosialis dalam Puisi-puisinya”; Ahmad Kamal Abdullah, “Usman Awang: Penyejagatan Puisi, Proses Kreatif dan Keislaman”; Hamzah Hamdani, “Pembicaraan tentang *Sikap dan Pemikiran Usman Awang*”; Hashim Ismail, “Garis-garis Kreativiti Usman Awang: ‘Dirinya’ dalam Cerpennya”; Mohd. Yusof Hasan, “Analisis Novel *Tulang-tulang Berserakan* dari Sudut Pemikiran Pengarang”; Lim Swee Tin, “Kemanusiaan dalam Sajak Usman Awang”; Jasni Matlani, “Dilema Melayu dan Kontradiksi Pembangunan dalam Puisi Terpilih Usman Awang”; Saifullizan Yahaya, “Dogmatisme Miskin-Kaya dalam Kepengarangan Usman Awang”; Shahrudin Nizal Mohd. Nor, “Pemikiran Usman Awang Perjuangan Sosial yang Terus Relevan”; Syed Mohd. Zakir Syed Othman, “Kesusasteraan Bercorak Rakyat, Kepunyaan Rakyat dan Untuk Rakyat”; dan Syed Othman Syed Omar, “Pemikiran Alamiah dalam Cerpen Usman Awang”.

Kelompok keempat ialah tulisan-tulisan pembicaraan umum dan agak teknikal tentang aktiviti Usman Awang dan sejumlah karyanya. Tulisan-tulisan tersebut adalah daripada Amiruddin Md. Ali Hanafiah, “Usman Awang: Perspektif Persatuan Penulis”; Awang Azman Awang Pawi, “Meragui Metanaratif: Usman Awang Bukan Pelopor ASAS 50”; Jeniri Amir, “Eksplotasi Bahasa dalam Drama Usman Awang”; dan Muhammad Ikhrum Fadhly Hussin, ‘Muzika Uda dan Dara’ dan ‘Atap Genting Atap Rumbia’: Satu Interpretasi”.

Usman Awang, menurut Baharuddin Zainal, memberikan tempoh usia terbaiknya (umur 33 tahun hingga persaraan pada usia 55 tahun) kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu sebuah institusi yang Usman Awang sendiri ketika dalam ASAS 50 memperjuangkan penubuhannya dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga (1956). Sebagai kenalan Usman Awang selama 38 tahun, Baharuddin Zainal berusaha menyingkap beberapa sisi kehidupannya. Antaranya termasuklah sebagai penggerak suara protes kepada pihak yang memperlekeh kedaulatan bahasa Melayu melalui antologi puisi *Keranda 152*, dan kaum tani yang tertindas

dalam *Teluk Gong*. Peranan Usman Awang mencorakkan majalah *Dewan Sastera*, dan tentang para peminat daripada pelbagai kaum dan peringkat terhadap penyair Melayu moden yang *par excellence* itu.

Peri keramahtamahan dan sikap terbuka Usman Awang, isteri, dan anak-anak mereka terhadap tetamu baru dan lama, penulis muda dan penulis mapan, aktivis politik kiri dan kanan, pengunjung dari dalam dan luar negara, merupakan sesuatu yang lumrah diperkatakan oleh para kontemporarinya. Rumahnya di Kampung Tunku seakan-akan mengadakan “rumah terbuka” sepanjang masa – tempat menginap bagi mereka yang memerlukan, jamuan bagi para kenalan dan tetamu, tempat mewawancaranya atau meminta bimbingannya.

Usman Awang ialah peribadi yang unik, pandai berjenaka, pandai mengambil hati, kacak, berkarisma, dan pembawa sifat-sifat mulia manusia Melayu. Nilai peribadinya yang tinggi ini menyebabkan dia menjadi tarikan untuk banyak hal: Penulis muda, aktivis seni, gerakan protes, penasihat, pembimbing, dan sebagainya lagi. Justeru, tidak menghairankan apabila Ismail Hussein pernah menganggap Usman Awang sebagai “sebuah institusi” seni yang tersendiri. Ini bererti Usman Awang seolah-olah wujud untuk tujuan seni yang tertentu, dan mempunyai peranan serta pengaruh yang kuat dalam masyarakat.

Ketika Usman Awang masih aktif berkarya dalam dekad 1970-an dan 1980-an, pengajian sastera tanah air di institusi-institusi pengajian tinggi turut diperkasakan dengan pengenalan teori-teori sastera. Tradisi tersebut terus berkembang dari masa ke masa. Pada mulanya para mahasiswa diperkenalkan kepada teori-teori sastera dari Barat. Beberapa tahun kemudian, sebilangan lulusan universiti jurusan sastera tidak mahu sekadar melanggan teori-teori Barat. Sebaliknya, dengan sikap berani mahu menjadi pencipta, mereka mula memperkenalkan teori-teori baharu yang berakar daripada tradisi persuratan tempatan dan Islam.

Tempoh dua atau tiga dekad belum mencukupi untuk menguji sesebuah teori sastera, lebih-lebih lagi dalam konteks Malaysia yang tradisi kritikan sasteranya masih baharu. Sebalik keghairahan dan kesungguhan beberapa orang sarjana tempatan mencipta teori berdasarkan “baka tempatan” (*home grown*),

ada juga suara-suara sinis yang mempersoalkan kemunculan teori sastera yang relatif banyak. Padahal kemunculan teori-teori sastera tempatan sewajarnya digalakkan dalam upaya memperlihatkan ketinggian intelektual sarjana tempatan, serta sikap mahu menjadi “pencipta” dan “pengeksploitasi teori”, bukan pengguna (*consumer*) serta pengimport teori sastera dari Barat.

Oleh sebab itu, kedapatan teori-teori sastera tempatan yang kadang-kadang mengapung dalam wacana, kadang-kadang tenggelam. Teori sastera hanya boleh diperkasakan apabila teori itu sendiri makin mantap, ada “murid-murid” setia terhadap pemuka dan teori tersebut, dan ada makalah-makalah yang sering membicarakan atau menerapkan teori berkenaan terhadap pembicaraan teks-teks sastera.

Walau apa juga situasi atau kendalanya, tulisan-tulisan dalam kelompok kedua buku ini membicarakan sejumlah karya Usman Awang melalui penerapan teori – baik yang tempatan mahupun teori Barat. Tiga orang sarjana tempatan mengemukakan teori sastera masing-masing. Abdul Rahman Napiah dengan teori “Teksdealisme” ketika membicarakan “Tamu di Bukit Kenny”. Antara lain teori ini menganalisis aspek kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan sifat kepengarangan. Menurut teori ini, setiap pengarang, termasuk Usman Awang, mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya ke suatu tahap keunggulan dengan prasyarat wujudnya sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan, termasuk untuk melakukan inovasi dan pembaharuan. Hasilnya, menurut penulis, Usman Awang telah berhasil menzahirkan sebuah teks yang idealistik dan unggul, menjadikan drama tersebut teks kanun produksi aliran realisme dekad 1960-an.

Seorang lagi sarjana tempatan, Mohamad Mokhtar Abu Hassan, menerapkan teorinya “Konseptual Kata Kunci” terhadap *Degup Jantung*. Menurutnya, setiap pengarang mempunyai konsepsi tersendiri terhadap pelbagai isu – melalui prinsip kepengaruhan – iaitu pengaruh daripada unsur-unsur latar belakang, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, kepercayaan, dan sebagainya. Konsepsi boleh berubah akibat kepengaruhan baru. Dalam karya Usman Awang yang diteliti, konsep kata kuncinya menjurus kepada masalah kemiskinan, penderitaan, dan kesengsaraan emosi melebihi duka lara

fizikal. Ada kosa-kosa kata serta ungkapan yang sering muncul dalam teks, yang menjadi kata kunci bagi membuka bahagian subtteksnya.

Rahman Shaari, seorang lagi sarjana tempatan hadir dengan teorinya “Anjakan Makna” ketika membicarakan drama “Matinya Seorang Pahlawan”. Bertolak daripada karya sumber (*Hikayat Hang Tuah*) Usman Awang mahu menyatakan hal atau perkara lain (dalam “Matinya Seorang Pahlawan”), bukan hal atau perkara yang menjadi maksud pengarang *Hikayat Hang Tuah*. Untuk mencapai maksud tersebut, makna karya asal dalam *Hikayat Hang Tuah* perlu dianjakkan oleh Usman Awang. Hasilnya, Jebat dimunculkan ke latar depan sebagai wira dan seorang romantis yang popular, manakala Tuah tergeser ke latar belakang sebagai watak yang tidak kecukupan akal budi.

Dekad 1960-an menyaksikan bercambahnya idea perubahan nilai terhadap watak Hang Tuah yang selama ratusan tahun menjadi wira bangsa Melayu. Sarjana dan penyair Kassim Ahmad – yang jelas pegangan realisme sosialisnya – dengan lantang menolak watak Hang Tuah yang setia membabi buta, lalu mengetengahkan Hang Jebat pembela keadilan. Beberapa naratif seperti drama pentas Ali Aziz, dan filem arahan Hussain Hanif tentang protagonis Jebat terbitan Cathay Keris, seperti juga drama Usman Awang “Matinya Seorang Pahlawan”, terus mencadangkan secara kreatif akan perubahan pandangan dan nilai itu.

Penerapan teori-teori dari Barat terhadap beberapa karya Usman Awang telah dilakukan oleh tujuh orang penulis. Amida Abdulhamid ketika membicarakan beberapa buah puisi Usman Awang, menerapkan teori estetika. Falsafah seni ini merupakan teori yang mengkaji nilai-nilai yang dicetuskan pancaindera. Justeru, penilaian estetikanya amat berkait rapat dengan tiga fakulti iaitu pancaindera, emosi, dan intelek. Penulis berkesimpulan bahawa puisi-puisi yang dikaji mempunyai nilai estetika yang tinggi kerana berespons kepada emosi dan intelek khalayaknya.

Jaafar Abdul Rahim mengetengahkan teori “Kecerdasan Emosi” ketika memperkatakan beberapa buah puisi Usman Awang. Teori ini diasaskan oleh Daniel Goleman yang menafsirkan “Kecerdasan Nilai” sebagai “Kemampuan mengenal

pasti perasaan diri kita sendiri dan orang lain, untuk memotivasikan diri kita sendiri dan untuk mengurus emosi diri sendiri dan dalam hubungannya dengan orang lain". Bagi maksud mencapainya, emosi mesti dicerdaskan melalui beberapa peranti seperti *neurospeak* dan *neuro-linguistic*. Kajian penulis terhadap puisi-puisi "Ke Makam Bonda" dan "Beringin Tua" mendapati bahawa diksi dan metaforanya berhasil membuai kecerdasan emosi pembaca.

Mohamad Shaidan membicarakan *Salam Benua* melalui pendekatan semiotik. Sungguhpun konsep ini telah disentuh oleh Plato ketika memperkatakan *semion* (dalam bahasa Yunani), teori ini diberi nafas baharu oleh Saussure, Pierce, Riffaterre dan Eco. Berdasarkan lambang atau penanda, serta makna atau petanda dalam *Salam Benua*, penulis mendapati bahawa metafora dan personifikasi dalam kumpulan puisi ini mengindahkan aliran bahasanya untuk menyirat makna puisi, di samping menyembunyikan dan menyerahkan kepada penerima tanda untuk memperluas interpretasi daripada tanda. Puisi-puisi tersebut lebih memberatkan makna pada jalinan tanda-tanda bahasa berbanding susunan tipografinya.

Tulisan-tulisan Norhayati Ab. Rahman dan Siti Aisah Murad merunut citra wanita dan feminisme dalam beberapa buah puisi, dan kumpulan cerpen *Degup Jantung* Usman Awang. Mereka tampaknya menggunakan idea salah seorang pemuka kritikan feminisme, iaitu Elaine Showalter. Mereka menelitinya dari perspektif *feminist critique*, yakni membaca dan menilai karya Usman Awang (lelaki) melalui tanggapan mereka sebagai wanita. Antara yang dilihat melalui kritikan ini ialah sama ada watak wanita diberi gambaran stereotaip, dan adakah wanita menjadi watak yang terabai. Kesimpulan Norhayati lebih positif, yang berpendapat puisi-puisi kajiannya memperlihatkan rasa penghormatan dan kasih sayang Usman Awang terhadap wanita. Sementara kesimpulan Siti Aisah sedikit berbeza, apabila mendapati bahawa sungguhpun citra wanita agak positif dalam *Degup Jantung*, ciri-ciri wanita stereotaip masih wujud, di samping tidak ada pelukisan ketara terhadap perubahan wanita, dan adanya mekanisme bela diri daripada kaum lelaki.

Kritikan eko, yang agak baharu melangkah masuk ke medan kritikan sastera tanah air, diwacanakan oleh Sohaimi

Abd. Aziz, ketika menilai dan memperkatakan beberapa buah puisi Usman Awang. Dalam kajian sastera, kritikan eko telah diperkenalkan oleh Buell, Howarth, dan Evernden. Semangat kritikan ini sejajar dengan gerakan pencinta alam sekitar yang amat komited – yang dalam wacana mereka disebut *deep ecological movement*, iaitu memulihara dan melestarikan alam sekitar. Sohaimi telah memilih dua buah puisi Usman Awang iaitu “Surat dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar”, dan “Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandar Raya”. Kedua-dua puisi tersebut, menurut Sohaimi, sesuai dianalisis menurut kritikan eko. Kritikan mendapati bahawa kesedaran Usman Awang terhadap pemuliharaan dan pelestarian alam sekitar, terutamanya di kota yang pesat membangun, amat tinggi, dan boleh memberikan kesedaran nyata kepada khalayaknya.

Sebuah kota besar, menurut Usman Awang, bukanlah sekadar hutan batu bata dan prasarananya. Sebuah kota besar menjadi lebih bererti, dan lebih mesra penghuni apabila aspek alam sekitar turut diambil kira. Sebuah kota besar tetap memerlukan kawasan hijau yang luas, yang mampu menawarkan udara segar, tempat warga kota, flora dan fauna saling memerlukan dan bergantung.

Talib Samat pula menerapkan teori naratologi ketika membicarakan cerpen “Kami yang Terlibat”. Kriteria-kriteria Mieke Bal tentang naratologi telah mengawali hujahannya. Dalam konteks ini, “Kami yang Terlibat” dilihat melalui tiga sudut kerangka teori ini, iaitu penghasil teks, struktur teks, dan resepsi atau kesan kepada pembaca. Naratologi “Kami yang Terlibat” memperlihatkan lapisan-lapisan naratologi yang berada di antara pengarang dengan pembaca, iaitu lapis luaran ‘teks naratif yang melindungi lapis di dalamnya iaitu ‘cerita’; sementara lapisan ‘cerita’ pula melindungi intinya “fabula” atau rangkaian peristiwa. Ketiga-tiga unsur ini saling berkait, kemudian dimunculkan oleh pengarang dalam bentuk teks untuk dibaca dan diapresiasi pembaca.

Medan kritikan sastera tanah air diperkaya oleh wacana-wacana yang menerapkan teori – sesuatu yang tidak berlaku atau jarang-jarang terjadi dalam dekad sebelum 1980-an. Seperti yang terdapat dalam tulisan-tulisan kelompok kedua di atas, horizon pemahaman pembaca diperluas, di samping

membuka dimensi-dimensi pemikiran yang baharu, kerana penulis tidak lagi mewarisi tradisi lama penilaian teks sastera yang hanya berlegar-legar pada persoalan struktur karya.

Tulisan-tulisan kelompok ketiga dalam buku ini berusaha menelusuri denai idealisme Usman Awang dalam beberapa karyanya, iaitu untuk mengapungkan pemikiran unggulnya terhadap pelbagai isu. Salah satu yang telah sering diungkapkan ialah kecenderungannya terhadap realisme sosialis, seperti yang dibongkar kembali oleh A. Rahim Abdullah. Tentulah faktor latar belakang zaman telah mencorakkan sikap dan pemikiran Usman Awang terhadap ideologi yang memperjuangkan kesejahteraan humanisme universal itu. Melalui sejumlah puisinya, menurut penulis, Usman Awang berusaha gigih membangunkan dan membina kesedaran golongan bawahan demi kesejahteraan bersama. Golongan bawahan yang selalu dibelanya itu pula melibatkan pelbagai kaum, sehingga secara tidak langsung memunculkannya sebagai "wira" mereka.

Pegangan Usman Awang terhadap realisme sosialis begitu tekal, tetapi tulisan Ahmad Kamal Abdullah cuba melihat sisi yang lain, antaranya nada-nada Islami dalam beberapa buah puisinya. Meneliti 10 buah puisinya, penulis berpendapat bahawa terdapat sentuhan-sentuhan luaran tentang keislaman dan ketuhanan walaupun tidak ditukik dengan mendalam. Penelitian terhadap puisi-puisi itu, daripada "Megah dengan Pangkat" hingga "Maut yang Menyapa", menunjukkan bahawa Usman Awang masih mempunyai akar kepada tradisi seni budaya dan keagamaan-nya. Pernyataan tersebut terasa kewajarannya, kerana secara sedar atau bawah sedar, penulis-penulis Melayu sepanjang zaman ternyata tidak mungkin dipisahkan daripada roh Islami yang memberikan makna kewujudan penganut agama wahyu ini.

Jika buku ini ada kembarnya yang sesuai, maka buku tersebut tidak lain daripada *Sikap dan Pemikiran Usman Awang* (1983), yang dalam buku ini diperkatakan oleh Hamzah Hamdani. Hal ini demikian kerana buku tersebut menghimpunkan 45 esei dan ucapan Usman Awang dari tahun 1952 hingga tahun 1982, tidak termasuk satu wawancara dan epilog. Buku tersebut dibahagikan kepada lima bahagian iaitu (a) Penulis, Kehidupan dan Penulisan, (b) Penulisan dan

Penciptaan, (c) Kegiatan dan Penerbitan, (d) Hadiah Sastera, dan (e) Hak Cipta. Sebagai kembar yang sesuai dengan buku ini, buku tersebut selayaknya dibaca untuk mendalami pemikiran unggul Usman Awang tentang cita-cita dan gerak perjuangannya, isu-isu kemanusiaan sejagat, peranan penulis, dan sebagainya lagi.

Hashim Ismail mentafsirkan “diri” Usman Awang dalam beberapa buah karyanya, melalui pengangkatan motif-motif yang dominan terpancar hasil daripada kesan di sebalik fenomenologi pelukisan kejiwaan, dan tindakan sosiologikal watak yang dilukiskan. Ia seperti suatu pencarian kesinambungan peribadi Usman Awang dalam karya-karyanya yang terpilih. Melalui penelitiannya, penulis mendapati bahawa Usman Awang cenderung menuntut kebahagiaan jiwa, menjauhi kebencian, mengetengahkan nasib manusia kecil, gemar melakukan usikan-usikan halus yang tajam, dan melakarkan pelukisan permasalahan kemanusiaan itu sebagai suatu sketsa.

Aspek pemikiran pengarang sering menjadi fokus penelitian Mohd. Yusof Hassan, yang dalam buku ini bertitik tolak daripada *Tulang-tulang Berserakan*. Empat cabang pemikiran yang dilihat ialah pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan, dan pemikiran kekreatifan. Penulis mendapati bahawa karya Usman Awang itu memancarkan keempat-empat cabang pemikiran tersebut menurut kajian secara intrinsik dan ekstrinsik. Ini menjadikan *Tulang-tulang Berserakan* bukan sahaja karya sastera yang baik dan berkesan, malah merupakan sebuah hiperteks yang diangkat daripada peristiwa sejarah tanah air.

Unsur kemanusiaan, dalam konteksnya yang luas, menjadi dasar pengkaryaan semua pengarang, tidak terkecuali Usman Awang. Dalam tulisannya, Lim Swee Tin menyebut bahawa komitmen Usman Awang terhadap kemanusiaan begitu ketara dan tekal. Ia seorang pengarang yang amat perasa, prihatin kepada permasalahan yang sedang dihadapi masyarakatnya, seorang yang penyayang, mempercayai dan mengharapkan keadilan, membenci perang dan merindui damai – menjadikannya seorang penyair yang kaya rasa kemanusiaannya.

Sebagai pejuang kemanusiaan, dan cenderung kepada humanisme universal, antara yang menarik minat Usman Awang ialah nasib orang Melayu dan rakyat miskin umum

PEMIKIRAN
SASTERAWAN NEGARA

USMAN AWANG

Buku *Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang* merupakan himpunan kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang pada tahun 2006. Seminar yang membawa tema “Membina Peradaban Sastera Kebangsaan” ini memberi ruang kepada para sarjana sastera dan intelektual tempatan mengupas serta menganalisis karya-karya Usman Awang dari pelbagai sudut. Antaranya, pembicaraan terhadap karya-karyanya dengan penerapan teori, pembicaraan idealisme Usman Awang dalam penghasilan karyanya, dan pembicaraan Usman Awang dalam peribadinya sebagai pengarang, editor dan sahabat. Sebanyak 27 kupasan dan analisis yang telah dihasilkan dan dimuatkan dalam buku ini. Antara karyanya yang menjadi tumpuan ialah “Jentayu yang Luka”, “Tamu di Bukit Kenny”, “Muzika Uda dan Dara”, “Matinya Seorang Pahlawan”, “Dirinya”, “Kami yang Terlibat”, *Degup Jantung, Salam Benua*, dan *Tulang-tulang Berserakan*.

Buku ini sesungguhnya menampilkan pelbagai dimensi rupa dan jiwa Usman Awang sebagai manusia biasa, sebagai aktivis sastera dan sebagai pengarang pelbagai genre – cerpen, drama, novel dan puisi. Selain itu, buku ini juga akan menambah khazanah persuratan kita yang membicarakan Usman Awang. Semakin banyak penerbitan tentangnya, semakin lengkaplah pemerhatian serta penilaian terhadap diri Usman Awang sebagai seniman, sasterawan dan karya-karyanya.

ISBN 978-983-46-0515-5



9 789834 605155